
Ruj. Kami : MQA 07/Jld.3 (94)

Tarikh : 12 NOV 2013

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan,

PEKELILING MQA BIL. 5/2013 – PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM

- i. **STANDARD PROGRAM: PSIKOLOGI**
- ii. **STANDARD PROGRAM: SAINS MAKLUMAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama panel pakar yang terdiri daripada ahli akademik, industri, badan ikhtisas dan bukan ikhtisas yang berkenaan dengan program pengajian telah menggubal standard program bagi bidang psikologi dan sains maklumat yang akan menjadi panduan kepada PPT dalam penawaran program di institusi masing-masing serta digunakan oleh semua pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian program.

3. Standard program ini merupakan suatu garis panduan komprehensif yang berasaskan kepada sembilan bidang jaminan kualiti di Malaysia dan menepati keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) bagi disiplin psikologi dan sains maklumat dalam penawaran program. Sehubungan dengan itu, semua PPT yang menawarkan program dalam disiplin yang berkaitan adalah tertakluk kepada penggunaan dokumen standard program ini dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi. Walau bagaimanapun, PPT boleh menambah dengan elemen-elemen yang bersesuaian agar program yang ditawarkan selaras dengan keperluan nasional dan antarabangsa.

4. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti butiran berikut:


BIL	TARIKH	PERKARA
1.	01 Disember 2013 sehingga 30 November 2014	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Jun 2014	<ul style="list-style-type: none">• Semua program baru yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.• Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.• Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Jun 2014 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia dikeluarkan. Untuk makluman juga, standard program ini boleh dimuat turun di laman web MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' DR. SYED AHMAD HUSSEIN)

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044
No. Faks : 03-79569496
Emel : syedahmad@mqa.gov.my

s.k.:

1. Y.A.B. Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 10, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA

2. YB. Menteri Pendidikan II
Pejabat Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)
Aras 18, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Setiausaha II
Pejabat Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

5. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

6. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Aras 3, Blok E3, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 W.P PUTRAJAYA

7. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Aras 4, Blok E14, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 W.P PUTRAJAYA